

Semangat 46 golongan kecewa: Dr M

Oleh JAMUDIN IDRIS

KUALA TERENGGANU, Jumaat -- Kumpulan Semangat 46 yang mendakwa mcmprjuangkan Umno yang ditubuhkan pada 1946 sebenarnya patut digelar sebagai "Kumpulan Kecewa 87", kata Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, ini kerana mereka yang menvertai Semangat 46 adalah kumpulan yang kecewa merebut jawatan dalam parti, tidak dapat jadi calon, gagal dalam kontrak dan mungkin muflis.

Mereka pergi ke sana ke sini mencari rakan-rakan yang kecewa dan akhirnya menubuhkan parti mereka.

Berucap mcrasmikan mcsyuarat perwakilan Umno Bahagian Kuala Nerus di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin di sini, beliau berkata, parti itu juga banyak membuat dakwaan tidak berasas yang menjadi senjata mereka.

Sebagai contoh, katanya, pemimpin Se-

mangat 46 mengatakan parti mereka didaftarkan pada 11 Mei lalu tetapi mengikut rekod parti itu didaftar pada 5 Mei. Mereka berbuat demikian untuk mengatakan mereka memperjuangkan Umno 46.

Perdana Menteri berkata, Semangat 46 adalah berlainan sekali dengan Umno yang ditubuh pada 1946 dan kerana itu Umno tidak takut menghadapi pilihan raya apabila Semangat 46 didaftarkan sebagai sebuah parti politik.

Bersatu

Katanya, Umno yang ditubuh 1946 menggalakkan orang Melayu bersatu untuk menentang British ketika itu tetapi Semangat 46 tidak demikian.

Beliau berkata, amalan Umno 1946 ditruskan oleh Umno sekarang dengan menggalakkan orang Melayu bersatu serta membuka keahlian kepada semua orang Melayu dan berjuang demi parti dan bukan untuk golongan tertentu.

Datuk Seri Dr Mahathir juga

mengingatkan ahli Umno supaya jangan terikat dengan seseorang calon kerana jika ini terjadi, mereka menuruti perjuangan pemimpin berkenaan.

Katanya, jika pemimpin berkenaan memilih keluar dari parti kerana tidak puas hati dengan sesetengah pihak, pengikut yang terikat akan mengikutinya dan ini merugikan.

Beliau berkata, untuk mengelak kejadian itu, Majlis Tertinggi (MT) Umno mengesyorkan supaya dielak pertandingan jawatan penting di peringkat bahagian supaya tidak berlaku amalan berpuk dan terikat kepada pemimpin mereka.

Jika ahli parti terikat kepada seseorang ia boleh menyebabkan perjalanan bahagian Umno tidak beres dan boleh menyebabkan kita kalah dalam pilihan raya akan datang, katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga mengingatkan ahli parti yang bertanding supaya merapatkan semula hubungan selepas pemilihan selesai.